

PART 1: Pengenalan kepada MiMAS

Q1: Apakah itu Pertandingan MiMAS?

Ans: MiMAS ialah singkatan bagi *Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools*. Pertandingan ini merangkumi kategori: ❶ Aritmetik (MAO) ❷ Matematik (MMI) ❸ Memori (MMT) ❹ Abacus (OMMC).

Lebih daripada 600 sekolah menyertai MiMAS setiap tahun, menjadikannya salah satu pertandingan matematik dan aritmetik mental yang terkenal di Malaysia.

Q2: Siapakah yang boleh menyertai MiMAS?

Ans: Semua pelajar sekolah rendah dan menengah yang belajar di Malaysia, termasuk pelajar tempatan (warganegara Malaysia) dan pelajar antarabangsa (pemegang pasport asing). Semua peserta mesti berumur di bawah 19 tahun.

Q3: Apakah bahasa yang digunakan dalam pertandingan?

Ans: Kertas soalan disediakan dalam tiga bahasa: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.

Q4: Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk pertandingan MiMAS?

Ans: Sila bertanya dengan Penolong Kanan Kokurikulum atau guru matematik di sekolah anda untuk mengetahui sama ada sekolah anda akan mengadakan pusat pertandingan MiMAS. Jika ya, sila daftar dengan guru berkenaan.

(i) Pendaftaran Sekolah: Peserta digalakkan untuk mendaftar melalui guru sekolah, sijil atau pingat akan dihantar ke sekolah. Untuk mengelakkan kehilangan sijil atau pingat, jika tiada guru sekolah yang bertanggungjawab untuk pertandingan ini, pelajar perlu mendaftar secara individu.

(ii) Pendaftaran Individu: Pelajar boleh mendaftar melalui laman web rasmi MiMAS (<https://mimas.my>), sijil atau pingat akan dihantar ke alamat rumah.

Q5: Berapakah yuran pendaftaran MiMAS?

Ans: Mengikut [Pendaftaran Sekolah] dan [Pendaftaran Individu], yuran pendaftaran untuk kategori yang berbeza adalah seperti berikut:

| | Pendaftaran Sekolah | Pendaftaran Individu |
|-------------------|---------------------|----------------------|
| ❶ Aritmetik (MAO) | RM60 | -- |
| ❷ Matematik (MMI) | RM65 | RM83 |
| ❸ Memori (MMT) | RM47 | RM63 |
| ❹ Abacus (OMMC) | RM60 | RM76 |

p/s: Bagi [Pendaftaran Individu], sijil dan pingat akan dihantar ke alamat rumah.

Q6: Bilakah tarikh tutup pendaftaran?

Ans: Tarikh tutup pendaftaran pertandingan MiMAS ialah 15 April 2025.

PART 2: Format Pertandingan MiMAS

Q1: Apakah format bagi kategori Aritmetik (MAO)?

Ans: Kategori Aritmetik (MAO) hanya boleh didaftarkan melalui [Pendaftaran Sekolah] dan hanya dibenarkan sebagai pertandingan fizikal luar talian (*paper-based*) di [pusat pertandingan] sekolah.

Peserta perlu menyiapkan 3 kertas soalan (Kertas A, B dan C), setiap kertas selama 5 minit.

Q2: Apakah format bagi kategori Matematik (MMI)?

Ans: Kategori Matematik (MMI) boleh didaftarkan melalui [Pendaftaran Sekolah] atau [Pendaftaran Individu].

[Pendaftaran Sekolah] ialah pertandingan fizikal luar talian (*paper-based*), manakala [Pendaftaran Individu] ialah pertandingan dalam talian (*online*).

Kertas soalan kategori Matematik (MMI) terdiri daripada 30 soalan, masa menjawab adalah selama 60 minit.

- 20 soalan aneka pilihan (penaakulan – soalan objektif)
- 10 soalan jawapan ringkas (kemahiran aplikasi – soalan subjektif)

Q3: Apakah format bagi kategori Memori (MMT)?

Ans: Kategori Memori (MMT) boleh didaftarkan melalui [Pendaftaran Sekolah] atau [Pendaftaran Individu], kedua-duanya ialah pertandingan dalam talian (*online*).

Peserta perlu menjawab 30 soalan dalam masa 30 minit yang berkaitan tentang *pi*, penghafalan gambar, penghafalan nombor, penghafalan berterusan, peristiwa sejarah rekaan dan sebagainya.

Q4: Apakah format bagi kategori Abacus (OMMC)?

Ans: Kategori Abacus (OMMC) boleh didaftarkan melalui [Pendaftaran Sekolah] atau [Pendaftaran Individu], kedua-duanya ialah pertandingan dalam talian (*online*).

Peserta perlu menyiapkan 3 kertas soalan (Kertas A, B dan C), setiap kertas selama 5 minit.

Q5: Di manakah saya boleh memuat turun contoh kertas soalan?

Ans: Anda boleh memuat turun contoh kertas soalan di laman web rasmi MiMAS: <https://mimas.my>

Q6: Apakah anugerah yang terdapat dalam MiMAS?

Ans: (i) Semua peserta akan menerima sijil.

(ii) Pelajar yang mencapai keputusan cemerlang akan diberikan Anugerah Emas, Perak, Gangsa, dan Cemerlang berdasarkan keputusan mereka:

| | | |
|-----------------|---------------------|-----------------|
| Anugerah Emas | <i>Gold Award</i> | 2% tertinggi. |
| Anugerah Perak | <i>Silver Award</i> | 8% seterusnya. |
| Anugerah Gangsa | <i>Bronze Award</i> | 10% seterusnya. |
| Cemerlang | <i>Distinction</i> | 15% seterusnya. |

Q7: Bilakah keputusan MiMAS akan diumumkan?

Ans: Keputusan pertandingan dianggarkan akan diumumkan pada pertengahan bulan Jun 2025. Pelajar boleh menyemak keputusan melalui akaun mereka atau di laman web rasmi dan Facebook MiMAS.

Q8: Adakah semua pelajar akan menerima e-sijil?

Ans: Ya! Setelah keputusan diumumkan, pelajar boleh log masuk ke akaun mereka dan memuat turun e-sijil masing-masing.

PART 3: Anugerah untuk Pemenang MiMAS

Q1: Bagaimanakah pemenang MiMAS boleh layak ke Shenmo Cup International Competition?

Ans: Pemenang Anugerah Emas (*Gold Award*) MiMAS akan dijemput untuk menyertai *Shenmo Cup International Competition* secara percuma.

| | | |
|--------------------|---|--|
| Kategori Aritmetik | Mathematical Arithmetic Olympiad (MAO) | Shenmo Cup Mathematical Arithmetic International Competition |
| Kategori Matematik | Malaysia Mathematics Invitational (MMI) | Malaysia Mathematical Invitational – Finals |
| Kategori Memori | Malaysia Memory Tournament (MMT) | Shenmo Cup Memory Competition |
| Kategori Abacus | Online Mental Maths Competition (OMMC) | Shenmo Abacus Olympiad (<i>Pertandingan online</i>) |

Q2: Bilakah Shenmo Cup International Competition akan diadakan?

Ans: Butiran *Shenmo Cup International Competition* adalah seperti berikut:

Tarikh: 12 Julai 2025 (Sabtu)

Tempat: Setia City Convention Centre

Q3: Pemenang MiMAS akan dijemput menyertai pertandingan apa?

Ans: Pemenang (Anugerah Emas, Perak, Gangsa, dan Cemerlang) dalam kategori [Aritmetik], [Memori] dan [Abacus] akan dijemput untuk menyertai *2025 WMA Shenmo Cup Invitational*.

Pemenang (Anugerah Emas, Perak, Gangsa, dan Cemerlang) dalam kategori [Matematik] akan dijemput untuk menyertai *2025 MMIC (Malaysia Mathematics Invitational Championship)*.

PART 4: Soalan Lain

Q1: Sekolah saya tidak mengadakan pusat pertandingan MiMAS. Bolehkah saya mendaftar secara individu?

Ans: Ya, anda boleh mendaftar secara individu melalui laman web MiMAS (<https://mimas.my>)
Setelah keputusan diumumkan, sijil dan pingat akan dihantar ke alamat rumah.

Q2: Saya menerima mesej “pembayaran tidak berjaya” semasa mendaftar dalam talian. Apakah yang perlu saya lakukan?

Ans: Sila hubungi khidmat pelanggan melalui WhatsApp dan berikan nama penuh dan nombor IC anak anda.

Q3: Bolehkah saya meminta bayaran balik selepas mendaftar?

Ans: Tidak. Setelah mendaftar, yuran tidak akan dikembalikan atas sebarang sebab.
Jika pelajar tidak dapat menghadiri pertandingan pada hari pertandingan, yuran pendaftaran tetap tidak akan dikembalikan.

Q4: Bilakah sekolah akan mengadakan pertandingan MiMAS?

Ans: Kementerian Pendidikan menggalakkan sekolah mengadakan pertandingan selepas waktu sekolah mengikut garis panduan Kementerian Pendidikan.
Sila rujuk kepada guru yang bertanggungjawab di sekolah anda untuk masa pertandingan MiMAS.

Q5: Bolehkah pelajar membawa alat tulis ke pertandingan?

Ans: Ya, pelajar boleh membawa pensel 2B, pemadam dan pembaris, tetapi tidak dibenarkan membawa kalkulator.

Q6: Bolehkah pelajar menggunakan abacus untuk kategori Aritmetik (MAO) dan kategori Abacus (OMMC)?

Ans: Ya, peserta dibenarkan menggunakan *abacus*.

Q7: Bagaimanakah saya boleh mendapatkan berita dan pengumuman MiMAS?

Ans: Anda boleh mengikuti pautan berikut:

Laman web rasmi MiMAS: <https://mimas.my>

Facebook: <https://www.facebook.com/myshenmo>

Q8: Bagaimanakah saya boleh menghubungi pihak penganjur?

Ans: Anda boleh menghubungi kami melalui:

Tel: 03-3325 9591 (Isnin hingga Jumaat, 9 am – 5 pm)

WhatsApp : 016-260 4593 (Cik Chai) / 016-260 2991 (Cik Teoh)

016-260 2943 (Cik Joe) / 016-260 2982 (Cik Tan)